

EMBARGO

**TEKS UCAPANINI TIDAK
DIBENARKANSAMA SEKALI UNTUK
DIHEBAHKANKEPADAUMUM
SEHINGGA IANYA DIBENTANGKAN
DI DALAM MESYUARAT MAJLIS
KHAS (BAJET 2018) PADA
10 OKTOBER 2017
JAM 10.30 PAGI**

UCAPAN

BAJET

TAHUN 2018

UCAPAN BAJET 2018

1. PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum w.b.t,

- 1.1 Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana atas limpah kurnia, rahmat serta izin-Nya yang membolehkan kita berkumpul pada hari ini untuk saya membentangkan Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2018.
- 1.2 Penyediaan Bajet 2018 bermula dengan perbincangan secara terperinci di antara Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai Majlis bersama dengan Timbalan Datuk Bandar pada bulan Ogos 2017. Seterusnya, pembentangan draf Bajet 2018 bersama semua Ahli Majlis telah diadakan pada 15 September 2017. Manakala Dialog Bajet 2018

bersama Persatuan Penduduk, kawasan Rukun Tetangga dan NGO pula telah diadakan pada 26 September 2017 untuk mendapatkan input / pandangan ke atas cadangan Bajet 2018. Seterusnya, pada 3 Oktober 2017, ianya telah dibincangkan secara terperinci di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Khas (Bajet 2018). Justeru itu, pada hari ini, saya membentangkan Bajet 2018 untuk kelulusan Majlis seterusnya, sebelum ia dibawa ke peringkat Kerajaan Negeri Selangor untuk kelulusan.

- 1.3 Bajet 2018 telah disediakan dengan teliti dan telah mengambilkira pandangan, saranan serta aduan daripada pelbagai pihak termasuklah Ahli Majlis, wakil rakyat, persatuan penduduk, NGO dan sebagainya. Setiap permohonan yang diterima telah diteliti, dikaji dan diambilkira di dalam permohonan bajet jabatan. Oleh itu, permohonan bajet yang dibentangkan telah merangkumi keperluan semua pihak. Jabatan-jabatan telah dipertanggungjawabkan untuk menentukan keutamaan projek yang akan dilaksanakan supaya pembangunan dapat dilaksanakan secara saksama dan tidak ditumpukan kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja.

- 1.4 Cadangan Bajet 2018 mensasarkan matlamat Majlis untuk melaksanakan pembangunan yang saksama dan memberi

perkhidmatan di semua kawasan tadbiran Majlis. Majlis akan terus memberi fokus kepada memenuhi kehendak semasa yang diutamakan pelanggan iaitu pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur jalan, saliran, tempat kemudahan awam dan perniagaan. Selain itu, pemantauan ke atas kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh kontraktor yang dilantik juga akan dititikberatkan bagi memenuhi ekspektasi masyarakat menjadikan Petaling Jaya sebuah bandaraya bersih.

- 1.5 Sebagai sebuah organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis akan mempastikan wang lebihan Majlis dipulangkan semula kepada penduduk melalui penyediaan bajet ‘*defisit*’. Majlis beriltizam untuk menyediakan bajet yang dapat memenuhi semua kehendak seluruh penduduk Petaling Jaya. Walau bagaimanapun, Majlis tidak dapat memenuhi semua kehendak tersebut secara serentak kerana tertakluk kepada sumber kewangan yang terhad. Walaupun Majlis mempunyai rizab kewangan yang cukup dan kukuh, Majlis tetap memastikan cadangan bajet perbelanjaan mestilah tertakluk kepada anggaran hasil yang dijangka akan dikutip pada tahun 2018.

- 1.6 Majlis telah menetapkan siling bagi menyediakan *defisit* tersebut berlandaskan kepada dua kemampuan utama Majlis iaitu kedudukan

**UCAPAN BAJET 2018
10 OKTOBER 2017**

rizab Majlis dan kemampuan pegawai dan kakitangan melaksanakan kerja. Oleh itu, pegawai dan kakitangan Majlis telah diberi amanat dan dipertanggungjawabkan supaya melaksanakan kerja sebaik mungkin dan menyusun semula proses kerja mereka agar segala permohonan yang dikemukakan oleh *stake holder* mampu dilaksanakan dan dapat diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2018.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

2. TEMA BAJET 2018

- 2.1 Pada 6 April 2016, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 12/2016 telah meluluskan mekanisme pelaksanaan program *Smart Selangor* dan membentuk Majlis Perundingan *Smart Selangor* bagi menyediakan halatuju ‘roadmap’ atau ‘blueprint’ Selangor sebagai *Smart State*. Selaras dengan halatuju tersebut, Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dalam menyokong wawasan, dasar dan program Kerajaan Negeri untuk membangunkan ‘*Smart Selangor Yang Peduli*’ dengan melaksanakan inisiatif ke arah menjadikan Bandaraya Petaling Jaya sebagai *smart city*.

- 2.2 Pembangunan Petaling Jaya yang berteraskan kepada pelan strategik “*PJ Sustainable 2030*” yang dilancarkan pada tahun 2013 telah menggariskan 5 teras utama perancangan iaitu alam sekitar, ekonomi, habitat, budaya dan komuniti serta urus tadbir. Projek ‘*Smart PJ*’ merupakan komponen di bawah urus tadbir yang baik yang memerlukan suatu sistem pengurusan bandar yang sistemetik, efisyen dan efektif ke arah menjadikan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai *smart government*.

- 2.3 ‘Smart PJ’ merupakan penyelesaian menyeluruh (*total solution*) sistem pengurusan bandar bersepadu dengan penggunaan meluas dan inovatif teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) berlatar belakangkan data *spatial* untuk merancang dan berkongsi sumber bagi pembangunan ekonomi, alam sekitar dan sosial ke arah kehidupan yang lebih berkualiti dan mampan. Projek ini juga merupakan ‘*integrated solution*’ melalui penggunaan *Geographical Information System (GIS)* sebagai asas pembinaan aplikasi dalam mengurus bandar Petaling Jaya secara bersepadu dan mampan. Projek ‘Smart PJ’ akan ditunjangi oleh 5 teras utama iaitu ‘bersih’ (clean), ‘hijau’ (green), ‘selamat’ (safe), ‘berhubung’ (connected) dan ‘bahagia’ (happy).
- 2.4 Projek *Smart PJ* juga dilaksanakan bertujuan untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang telus dan efisyen merangkumi aspek kewangan, penguatkuasaan, kebersihan, pengurusan lalulintas, kawalan dan pengurusan keselamatan, perancangan guna tanah dan lain-lain data serta analisa di setiap *dashboard* yang telah ditetapkan. Ini secara langsung akan memberi kesan kepada kebijakan dan kesejahteraan komuniti Petaling Jaya. Matlamat Majlis untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya pintar boleh dilihat berdasarkan kepada kecekapan pengurusan dan penambahbaikan kualiti perbandaran serta peningkatan kualiti hidup penduduk di Petaling Jaya pada masa akan datang.

- 2.5 Oleh itu, Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada tahun 2018 adalah berorientasikan *Smart PJ* dengan tema '**PJ BANDARAYA PINTAR**'. Berdasarkan tema ini, Petaling Jaya akan dibangunkan berteraskan prinsip-prinsip keselamatan dan kesempurnaan, kerancakan (*vibrant*), berdaya huni, rekabentuk sejagat (*universal design*), '*value for money*', kemudahsampaian, penyediaan perkhidmatan mampu bayar dan efisyen selaras dengan wawasan '*PJ Sustainable 2030*'.
- 2.6 Sehubungan itu, ke arah menjadi sebuah bandaraya pintar, Majlis akan membangunkan program *Smart PJ* dan mencadangkan pembinaan infrastruktur perkakasan dan pelaksanaan aplikasi ke arah *Smart City*. Salah satu elemen pembangunan *Smart PJ* adalah dengan mewujudkan satu infrastruktur yang mampu menjadi pusat pengumpulan maklumat yang berupaya menjadi rujukan bagi pihak wargakerja Majlis mahupun orang awam kelak. Oleh yang demikian, *PJ Smart Centre* akan diperkenalkan di dalam pembangunan fasa 1 *Smart PJ*. *PJ Smart Centre* berfungsi sebagai pusat projek penyimpanan data berserta pusat rujukan utama Majlis kelak, ianya akan dihubungkan dengan 3 Mini *Smart Centre* yang berkemampuan untuk melakukan proses kemasukan maklumat bagi setiap *dashboard* masing-masing ke dalam sistem utama yang akan disimpan serta akan dipaparkan ke *PJ Smart Centre* di dalam bentuk laporan beranalisis serta bentuk grafik iaitu tiga dimensi (3D).

- 2.7 Bagi pembangunan fasa 2 pula, sebanyak 5 Mini *Smart Centre* akan dibina bagi mewakili 5 jabatan iaitu Jabatan Landskap, Jabatan Pelesenan, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Kawalan Bangunan. Tujuan penambahan 5 Mini *Smart Centre* ini adalah bagi menyediakan satu ruang bekerja bagi tujuan kemasukan data yang berkaitan dengan jabatan-jabatan tersebut.
- 2.8 Pelaksanaan projek *Smart PJ* ini akan dilengkapi dengan pembinaan infrastruktur, perkakasan ICT dan pembangunan pelbagai aplikasi yang menjadi lambang dan pengurusan kepada integrasi data-data Majlis dengan penyediaan platform penyimpanan dan pemprosesan data bersepadu ke arah sistem penyampaian yang lebih efisyen.

3. ANUGERAH-ANUGERAH YANG DITERIMA PADA TAHUN 2017

- 3.1 Pada 20 Jun 2017, genaplah 11 tahun usia Majlis menjadi sebuah bandaraya. Di antara anugerah-anugerah yang telah diterima oleh Majlis pada tahun 2017 sehingga kini adalah seperti berikut:-
- i. Anugerah Khas Projek Inovasi Hibrid Terbaik di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) 2017;
 - ii. Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin Kategori Majlis Bandaraya Sempena Bulan Kebajikan Negara 2017;
 - iii. Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat 2017 dan Pengiktirafan Program Jaminan Keselamatan Makanan Peringkat Negeri Selangor;
 - iv. Mendapat Pensijilan *Occupational Health and Safety Management Systems (OHSAS) 18001:2007* Skop Pensijilan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Merangkumi Kerja-kerja Infrastruktur, Pembinaan, Lanskap, Pembangunan dan Reka Bentuk;

- v. Anugerah *Malaysia Landscape Architects Awards (MLAA) Honour Award Professional Category Landscape Analysis & Study Award, The Living Colony: Revitalisation of Sungai Kayu Ara;*
 - vi. Anugerah *Malaysia Landscape Architects Awards (MLAA) Merit Award Professional Category Landscape Analysis & Study Award, Laman Majlis Bandaraya Petaling Jaya;* dan
 - vii. Memperolehi Sijil Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016 Tanpa Teguran yang diperakui pada 28 Ogos 2017.
- 3.2 Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus komited dalam memberi perkhidmatan yang terbaik buat penduduk Petaling Jaya. Majlis amat berharap melalui anugerah-anugerah yang diterima setakat ini akan dapat membantu memudahkan urusan kerja dan mempertingkatkan produktiviti Majlis.

4. FOKUS BAJET 2018

4.1 Kajian *Merdeka Centre for Opinion Research* mendapati tahap kepuasan masyarakat terhadap prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis pada tahun 2017 semakin meningkat. Kajian tersebut telah menunjukkan prestasi penduduk yang berpuashati dengan perkhidmatan Majlis bertambah daripada 61% pada tahun 2015 kepada 79% pada tahun 2017. Ini menunjukkan peningkatan penduduk yang berpuashati dengan perkhidmatan Majlis adalah sebanyak 18%. Berdasarkan kajian tersebut juga, perkara utama yang perlu diberi perhatian untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan Majlis mengikut keperluan penduduk adalah seperti berikut :-

- i. Penyelenggaraan infrastruktur jalan, kelancaran aliran trafik, kebersihan longkang, menaiktaraf kemudahan awam dan lain-lain yang berkaitan;
- ii. Pengurusan kutipan sisa pepejal dari segi kutipan sampah domestik dan pengurusan pembersihan awam bagi memastikan kawasan Petaling Jaya sentiasa bersih dan indah;
- iii. Keselamatan bandar yang bebas daripada ancaman jenayah, keselamatan infrastruktur, persekitaran serta keselamatan ancaman siber yang memerlukan kerjasama penduduk; dan

- iv. Penjagaan alam sekitar dari segi kawalan terhadap pencemaran, penjagaan dan membaikpulih kawasan hijau, kesedaran meningkatkan penjagaan kesihatan serta mengurangkan kacau ganggu haiwan liar.
- 4.2 Sehubungan itu, bagi mempastikan prestasi perkhidmatan Majlis sentiasa dapat ditingkatkan, fokus Bajet tahun 2018 Majlis adalah untuk memberi keutamaan kepada perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:-
- 4.2.1 Menaiktaraf pengurusan infrastruktur dan kemudahan awam;
 - 4.2.2 Meningkatkan pengurusan kutipan sisa pepejal, pembersihan dan kesihatan persekitaran;
 - 4.2.3 Mempertingkatkan pengurusan keselamatan bandar, sosial dan kemasyarakatan; dan
 - 4.2.4 Meningkatkan pengurusan alam sekitar, taman, padang dan landskap

4.2.1 Menaiktaraf Pengurusan Infrastruktur Dan Kemudahan Awam

Pelan Induk Pengangkutan Petaling Jaya telah digunakan oleh Majlis mulai April 2017 bagi mewujudkan pengangkutan lestari dengan menggunakan pengangkutan awam dan bebas daripada kesesakan

lalulintas. Pelan induk ini mempunyai maklumat-maklumat berkaitan gunatanah bersepadu, pengurusan lalulintas, pengangkutan awam, tempat letak kereta dan kenderaan perdagangan di Petaling Jaya. Sistem Perancangan Pengangkutan Petaling Jaya menjelang tahun 2030 akan dilaksanakan secara bersepadu dengan perancangan gunatanah bagi mencapai kemudahsampaian dan keselesaan kepada penduduk dengan kos yang minima. Rangkaian pengangkutan yang sistematik akan menyokong pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan populasi dan kepelbagaian aktiviti bandaraya Petaling Jaya.

Pada tahun 2018 juga Majlis akan meneruskan pembangunan infrastruktur dan utiliti hijau seperti pengurusan sistem saliran yang mesra alam dan pada masa yang sama mengurangkan impak pembangunan dengan meminimumkan pencemaran alam sekitar serta menaiktaraf kemudahan awam seperti menaiktaraf padang dan dewan-dewan, menaiktaraf kemudahan perniagaan seperti pasar dan gerai, menaiktaraf tempat letak kereta dan lain-lain.

Program utama yang akan diberi perhatian adalah :

- a. Cadangan tebatan banjir dan menaiktaraf saliran serta penyelenggaraan longkang bagi mengatasi masalah banjir kilat di Petaling Jaya;
- b. Menambahbaik perkhidmatan bas percuma;

- c. Menaiktaraf lampu-lampu jalan dan lampu isyarat di sekitar Petaling Jaya;
- d. Membaiki tapak siar kaki dan bebendul jalan;
- e. Menaiktaraf kemudahan tempat letak kereta dan perhentian bas; dan
- f. Menaiktaraf kemudahan perniagaan, dewan, pasar dan gerai.

4.2.2 Meningkatkan pengurusan kutipan sisa pepejal, pembersihan dan kesihatan persekitaran

Kajian prestasi *Merdeka Centre for Opinion Research* ke atas servis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor menunjukkan aspek kebersihan dan pengurusan kutipan sampah telah berada di kedudukan ke dua bagi tahap kepuasan penduduk di Selangor pada tahun 2017. Berdasarkan indeks kebersihan yang ditetapkan oleh kajian Merdeka Centre juga, semakin rendah mata skala menunjukkan semakin baik tahap kebersihan sesebuah PBT tersebut. Maka, pada tahun 2018 Majlis telah menetapkan sasaran untuk mencapai indeks kebersihan pada skala 2.5 ataupun kurang.

Di antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Majlis bagi mencapai sasaran tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Melantik Duta PJ Bersih yang berperanan meningkatkan kesedaran awam dan mendidik warga tempatan bagi aktiviti pelupusan sampah secara beretika. Duta PJ Bersih telah ditempatkan di 17 kawasan pada tahun 2017. Manakala pada tahun 2018, Majlis akan menambah 3 lagi kawasan, menjadikan keseluruhannya sebanyak 20 kawasan mempunyai Duta Bersih yang melihatkan penambahbaikan tahap kebersihan di lokasi-lokasi ‘hot spot’. Selain itu, program pelaksanaan Zon Bersih di kawasan yang dikenalpasti juga akan diteruskan.

- ii. Menambah penyediaan tong sampah di kawasan pasar malam untuk memudahkan para peniaga dan pengunjung membuang sampah. Selain itu, pada tahun 2018, Majlis akan meneruskan pengedaran tong sampah *Mobile Garbage Bin* (MGB) berkapasiti 120 liter kepada semua isirumah di Petaling Jaya secara percuma. Objektif utama pengedaran tong sampah ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik orang ramai terhadap kepentingan kaedah pembuangan sampah dengan sempurna melalui penggunaan tong sampah yang sesuai. Melalui inisiatif ini juga, ia dapat memudahkan perlaksanaan kerja-kerja kontraktor kutipan yang dilantik untuk

mengangkat sampah masuk ke dalam lori. Dengan itu, ia juga dapat menghindarkan daripada kacau ganggu seperti binatang dan bau busuk. Justeru, selepas edaran tong sampah percuma ini, Majlis akan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas premis kediaman yang tidak menggunakan tong sampah yang telah dibekalkan.

Selain itu juga, Majlis akan meneruskan pelaksanaan projek perintis satu kontraktor dengan skop kerja kutipan sampah domestik, melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap bagi satu-satu kawasan yang ditetapkan.

- iii. Pada tahun 2018, Majlis akan melancarkan '*Smart PJ Waste Solution Lab*' di SS2, Petaling Jaya bagi menguruskan sisa buangan makanan berdasarkan konsep "*circular economy and 3R at source*". Melalui program ini, sisa makanan dan organik akan dikitar semula bukan sahaja bagi mengurangkan pembuangan sampah, bahkan sampah akan diproses untuk dijadikan baja kompos cair, bio gas, enzim dan pengawal bau busuk yang akan menjanakan pulangan hasil kepada Majlis. Program dengan pusat berkapasiti 2 tan sehari ini akan turut diaplifikasi di kawasan SS8 Petaling Jaya pada tahun hadapan.

- iv. Melaksanakan Program Pengasingan Sampah di kawasan perumahan bertanah yang mencatat pencapaian 10% pada tahun 2017 akan terus dilaksanakan pada tahun 2018. Majlis telah menetapkan sasaran sebanyak 30% dapat dicapai pada hujung tahun 2018. Semua lapisan masyarakat adalah diseru untuk memulakan amalan pengasingan sampah dan Majlis akan memberikan bantuan dan sokongan sepenuhnya kepada aktiviti ini.
- v. Meneruskan perlaksanaan Program '*Low Carbon Green City of Petaling Jaya*' di mana skim rebat cukai taksiran bagi pemilik rumah mesra alam, pemasangan lampu LED di kawasan lorong belakang rumah, meletak kenderaan secara percuma selama tempoh 1 tahun bagi pembelian kereta hybrid atau kereta elektrik daripada pusat-pusat jualan kenderaan di kawasan Majlis, mengadakan latihan pengkomposan sisa dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

4.2.3 Mempertingkatkan Pengurusan Keselamatan Bandar, Sosial Dan Kemasyarakatan

Majlis akan terus memperkasakan tahap keselamatan Bandaraya Petaling Jaya menjelang tahun 2030. Untuk mencapai matlamat ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah merangka pelbagai program

melibatkan komuniti termasuklah memperkasakan **Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya 2015-2020**. Pelan induk keselamatan ini merangkumi aspek keselamatan secara menyeluruh iaitu Keselamatan Persekutuan, Keselamatan Infrastruktur, Keselamatan Digital dan Pengurusan Keselamatan / Penguatkuasaan. Program ‘Community Policing’ di bawah pelan ini dilihat mampu untuk mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama erat di antara penduduk dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain agensi keselamatan. Pada tahun 2017, sebanyak 130 permohonan program ‘community policing’ telah diluluskan berbanding 113 dan 58 pada tahun 2016 dan 2015.

Manakala kematangan program ini juga telah menghasilkan inovasi dengan memperkenalkan portal sistem Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) yang diwujudkan selaras dengan pembangunan teknologi masa kini dan visi Majlis ke arah “Smart PJ”. Sistem pelaporan PKKPJ secara *online* disediakan Majlis bagi memudahkan komuniti dan Majlis menghantar dan menerima laporan aktiviti serta membuat semakan permohonan aktiviti. Melalui sistem ini juga, pihak Majlis akan mengemaskini sebarang informasi berkaitan aktiviti komuniti bagi program keselamatan dengan lebih lengkap, cepat dan efektif. Ianya menjadikan Majlis sebagai PBT pertama yang mewujudkan portal sebegini untuk kemudahan komuniti

berinteraksi dengan Majlis berkaitan aktiviti keselamatan secara dua hala.

Selain itu, latihan dan perundingan bagi pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan persekitaran dan infrastruktur berdasarkan Pensijilan Siri Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001 : 2007 Standard bagi membantu MBPJ dalam melaksanakan audit keselamatan bagi projek-projek pembangunan dan infrastruktur di Petaling Jaya akan dilaksanakan pada tahun 2018. Unit Audit Keselamatan MBPJ akan berperanan menjalankan tugas-tugas audit bagi aspek keselamatan projek-projek pembangunan dan infrastruktur seperti jalanraya, laluan pejalan kaki, laluan basikal, penanaman pokok dan landskap, pemasangan CCTV, pencahayaan, keselamatan tempat letak kenderaan dan rekabentuk bangunan.

Dari segi keselamatan digital pula, antara strategi dan tindakan yang akan diambil Majlis adalah menjalinkan kolaborasi bersama Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) & CyberSecurity Malaysia bagi mewujudkan kesedaran keselamatan siber kepada penduduk Petaling Jaya. Sasaran khusus adalah kepada golongan masyarakat yang paling terdedah kepada jenayah salah laku siber iaitu golongan muda.

Bagi mewujudkan suasana bandar selamat dengan persekitaran yang sejahtera, bersatu padu, berbudaya penyayang, saling berinteraksi dan peka terhadap keperluan golongan tua, kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU), Majlis akan memastikan semua bangunan kemudahan awam yang akan dinaiktaraf adalah mesra pengguna, mesra OKU dan selamat kepada semua golongan masyarakat.

4.2.4 Meningkatkan Pengurusan Alam Sekitar, Taman, Padang Dan Landskap

Pada tahun 2018, Majlis akan meneruskan pelaksanaan program pengindahan dengan merujuk kepada Pelan Induk Landskap selaras dengan dasar Majlis menjadikan Petaling Jaya Bandaraya Dalam Taman dan Bandar Berkarbon Rendah. Ia adalah suatu inisiatif Majlis untuk menangani kesan perubahan iklim dan pada masa yang sama menjadikan Petaling Jaya bandar mampan. Sejajar dengan itu, Majlis akan mempertingkatkan kerja-kerja menaiktaraf dan menyelenggara landskap di Petaling Jaya melalui program pengindahan Bulatan Aman, pengindahan kubur PJS4 dan Kota Damansara serta program penghijauan bandar dan menaiktaraf kemudahan riadah. Manakala, penanaman serta penyulaman pokok akan dilaksanakan di ruang-ruang kosong di mana yang sesuai seperti bahu jalan, zon penampang, kawasan lapang dan taman awam di seluruh kawasan Petaling Jaya.

Sebanyak 20 kawasan lapang akan dinaiktaraf termasuk 8 projek sambungan dari tahun 2017 akan dilaksanakan bagi meningkatkan dan melengkapkan lagi kemudahan sediada berikutkan keperluan dan kadar penggunaan yang semakin tinggi. Dalam pada itu, kemudahan dan kemudahsampaian OKU dititikberatkan agar semua golongan dapat bersama menikmati kemudahan riadah yang disediakan. Peruntukan akan disediakan untuk membangunkan Laman MBPJ sebagai sebahagian daripada kelengkapan program *SMART PJ*. Bersesuaian dengan pemindahan Kota Seni ke Kelana Jaya, Taman Bandaran Kelana Jaya juga sentiasa diselenggara agar melengkapi keperluan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan di situ.

Bagi menggalakkan warga Petaling Jaya mengamalkan gaya hidup sihat, kempen mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian yang boleh melepaskan sumber pencemaran udara akan dilaksanakan. Program *Car Free Day* ini akan dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan nilai-nilai murni dalam mendidik masyarakat untuk menjaga alam sekitar. Program ini merupakan inisiatif Datuk Bandar untuk dilaksanakan di Petaling Jaya. Di antara pengisian yang akan dilaksanakan melalui program ini adalah seperti aktiviti berbasikal, berjalan kaki, *skuter blade*, *roller blade*, *skate board* serta aktiviti-aktiviti seumpamanya yang boleh disertai bersama oleh masyarakat.

*UCAPAN BAJET 2018
10 OKTOBER 2017*

Bagi menyemai pembudayaan landskap di Petaling Jaya pula, pada tahun 2018, 4 program utama yang telah dilaksanakan akan diperluaskan iaitu Program Kawasan Lapang Angkat, Program Kebun Kita, Program Agrobox dan Pertandingan / Bengkel / Aktiviti Komuniti yang menjurus kepada pembentukan komuniti mampan dan berdaya saing melalui aktiviti-aktiviti berasaskan landskap dalam kehidupan seharian penduduk Petaling Jaya.

5. STRATEGI BAJET 2018

Bajet Majlis tahun 2018 dirangka berlandaskan kepada strategi berikut :-

5.1 Hasil Cukai Taksiran adalah berdasarkan kepada:-

- i. Tambahan pegangan harta baru pada tahun 2018
- ii. Pengubahsuaian keluasan dan kegunaan ruang lantai

Nilaian tahunan dan kadar cukai taksiran tidak dinaikkan dan tidak berubah.

5.2 Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan kepada punca hasil sediada.

Majlis dijangka akan dapat meningkatkan hasil daripada kutipan Letak Kereta di mana Majlis telah mengambil alih pengurusan kutipan letak kereta ‘on street’ daripada Godell Parking pada 5 September 2017. Selain itu, pertambahan hasil juga akan diperolehi daripada hasil lesen, denda dan kompaun, keuntungan dan perolehan dari pelaburan serta sumbangan tempatan. Bagi kutipan hasil lesen, denda dan kompaun, fee dan caj adalah sama seperti tahun 2017.

5.3 Penyediaan Bajet adalah mengikut kaedah *Modified Budgeting System* (MBS). Peruntukan Dasar Sediada tidak melebihi batas yang telah ditetapkan. Amaun Perbelanjaan Mengurus adalah ditampung oleh hasil yang dijangka dikutip manakala sebahagian Perbelanjaan Pembangunan akan ditampung oleh rizab Majlis. Kelulusan peruntukan Dasar Baru dan One Off adalah bergantung kepada keperluan.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

6. CADANGAN BAJET 2018

6.1 Cadangan Bajet 2018 adalah seperti berikut:

Butiran	2017 RM	2018 RM	Tambahhan/ (Kurangan)	
			RM	%
Hasil	395,086,600	420,664,470	25,577,870	6.47
Perbelanjaan Mengurus	339,604,490	347,754,060	8,149,570	2.40
Perbelanjaan Pembangunan	139,883,960	141,502,410	1,618,450	1.16
Jumlah Perbelanjaan	479,488,450	489,256,470	9,768,020	2.04
(Defisit)	(84,401,850)	(68,592,000)	15,809,850	18.73
Peratusan	(21.36)	(16.31)		

Cadangan Bajet 2018 menunjukkan peratus *defisit* yang dicadangkan pada tahun 2018 adalah lebih rendah berbanding tahun 2017 iaitu daripada 21.36% atau RM84.40 juta kepada 16.31% atau RM68.59 juta. Ini bermakna, Majlis akan mempastikan penyediaan bajet secara *defisit* pada tahun 2018 adalah terkawal dengan mencadangkan peningkatan

kutipan hasil semasa sebanyak 6.47% adalah lebih tinggi berbanding peningkatan jumlah perbelanjaan sebanyak 2.04% pada tahun 2018. Amaun deficit sebanyak RM68.59 juta merupakan angka yang paling maksimum yang boleh disediakan oleh Majlis.

7. HASIL

7.1 Punca hasil Majlis adalah seperti berikut:

Butiran	2017 RM	2018 RM	Tambahan	
			RM	%
Hasil Cukai	248,000,000	255,000,000	7,000,000	2.82
Hasil Bukan Cukai	119,938,700	130,950,520	11,011,820	9.18
Terimaan Bukan Hasil	27,147,900	34,713,950	7,566,050	27.87
Jumlah	395,086,600	420,664,470	25,577,870	6.47

7.2 Hasil Cukai

7.2.1 Majlis menganggarkan kutipan Hasil Cukai Taksiran akan meningkat sebanyak RM7 juta pada tahun 2018 berdasarkan kepada pertambahan bilangan pegangan harta baru di kawasan

Petaling Jaya dan juga pengubahsuaian hartanah berdasarkan keluasan dan kegunaan ruang lantai.

7.3 Hasil Bukan Cukai

7.3.1 Hasil Bukan Cukai yang akan dikutip pada tahun 2018 dijangka sebanyak RM130,950,520 meningkat sebanyak RM11,011,820 atau 9.18% berbanding tahun 2017 sebanyak RM119,938,700. Majlis berusaha untuk meningkatkan kutipan Hasil Bukan Cukai ini bagi mengurangkan kebergantungan Majlis kepada kutipan hasil cukai taksiran.

7.3.2 Perincian Hasil Bukan Cukai adalah seperti berikut:-

Butiran	2017 RM	2018 RM	Tambah/ (Kurangan)	
			RM	%
Lesen, Bayaran Pendaftaran & Permit	29,754,310	30,403,280	648,970	2.18
Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan	27,676,190	35,384,640	7,708,450	27.85
Jualan Barang-Barang	1,763,500	1,376,000	(387,500)	(21.97)
Sewaan	21,445,480	19,741,680	(1,703,800)	(7.94)

Butiran	2017 RM	2018 RM	Tambah/ (Kurangan)	
			RM	%
Keuntungan & Perolehan Dari Pelaburan	21,043,420	23,171,420	2,128,000	10.11
Denda & Kompaun	18,254,800	20,273,500	2,018,700	11.06
Sumbangan Negeri & Tempatan	1,000	600,000	599,000	599.00
Jumlah	119,938,700	130,950,520	11,011,820	9.18

7.3.3 Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

- i. Di dalam punca hasil bukan cukai, punca hasil daripada perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan merupakan penyumbang tertinggi iaitu sebanyak RM35,384,640 pada tahun 2018 berbanding RM27,676,190 pada tahun 2017. Hasil ini meningkat sebanyak RM7,708,450 atau 27.85% berbanding anggaran hasil tahun 2017.
- ii. Peningkatan anggaran bagi punca hasil ini adalah kerana Majlis telah melaksanakan semula sistem kupon letak kereta bermula pada 5 September 2017. Hasil jualan kupon dianggarkan sebanyak RM17.2 juta pada tahun

2018 berbanding hasil sewa daripada Godell Parking sebanyak RM9.3 juta sahaja.

7.3.4 Lesen dan Permit

Hasil Bukan Cukai daripada punca Lesen dan Permit merupakan punca hasil kedua tertinggi. Punca hasil ini mencatat peningkatan sebanyak RM648,970 pada tahun 2018 seperti berikut:-

Butiran	2017	2018	Tambahan	
	RM	RM	RM	%
Lesen Iklan	15,666,000	16,466,000	800,000	5.11
Lesen Iklan Sementara	1,221,030	1,420,000	198,970	16.30
Lesen Perubahan Status Bangunan	600,000	750,000	150,000	25.00
Lesen Perniagaan Perusahaan	6,781,000	6,781,000	-	-
Lesen-Lesen Perniagaan Industri	264,000	264,000	-	-
Lesen Penjaja, Gerai & Pasar	-	-	-	-
Lesen Hiburan	2,116,280	2,116,280	-	-
Lesen Pusat Perkhidmatan	626,000	626,000	-	-

Butiran	2017	2018	Tambahan	
	RM	RM	RM	%
Lain-Lain Lesen	2,480,000	1,980,000	(500,000)	(20.16)
Jumlah	29,754,310	30,403,280	648,970	2.18

7.3.5 Sewaan

Pada tahun 2018, punca hasil sewaan dijangka menurun sebanyak RM1.7 juta. Antara punca hasil sewa yang tidak dapat dikutip adalah hasil Sewa Kompleks SS8 yang akan dibina semula dan penyerahan pengurusan sewa rumah PPRT Lembah Subang kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018.

8. PERBELANJAAN

